



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 25 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM SAMBUT BAIK INISIATIF BAHARU PM		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-sambut-baik-inisiatif-baharu-pm	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	1,482 PENGAMAL BERTAULIAH RANCAKKAN INDUSTRI PENJAGAAN SELEPAS BERSALIN - KPWK		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2449026	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2449028	BERNAMA.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/24/2661-wanita-berjaya-mengikuti-latihan-program-penjagaan-ibu-selepas-bersalin-mamacare	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KPWKM SALUR LEBIH RM20 JUTA KEPADA PSK BANTU GOLONGAN RENTAN		POSITIF
	https://bernama.com/radio/news.php?id=2449081	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2449088	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PARLIMEN: PIHAK EKSPLOITASI KANAK-KANAK UNTUK MENGEMIS BOLEH DIPENJARA		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/parlimen-pihak-eksploitasi-kanak-kanak-untuk-mengemis-boleh-dipenjara/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	354 KES DERA KANAK-KANAK BAWA KEMATIAN DALAM LIMA TAHUN – NANCY		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/354-kes-dera-kanak-kanak-bawa-kematian-dalam-lima-tahun-nancy/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244259/354-kes-dera-bawa-kematian-kpwkm-laksana-advokasi?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/24/sebanyak-354-orang-kanak-kanak-maut-didera-sejak-2020-nancy/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/07/24/nancy-child-abuse-deaths-hit-5-year-high-with-114-cases-in-2024/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PARLIMEN: JUMLAH OKU CECAH LEBIH 750,000 ORANG		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/parlimen-jumlah-oku-cecah-lebih-750000-orang/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	SUMBANGAN KECIL TETAPI AMAT BERMAKNA BAGI KELUARGA ISMAIL		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2025/07/sumbangan-kecil-tetapi-amat-bermakna-bagi-keluarga-ismail/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	TAK MAMPU BAYAR RUMAH SEWA, 8 BERANAK TINGGAL DI RUMAH SARANG BURUNG WALET		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/740195/edisi/terengganu/tak-mampu-bayar-rumah-sewa-8-beranak-tinggal-di-rumah-sarang-burung-walet	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2449010	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	'DISEBABKAN NAFSU, SAYA HAMPIR MASUK PENJARA' - PELATIH PKM		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244338/disebarkan-nafsu-saya-hampir-masuk-penjara-pelatih-pkm	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	'YUSRINA HANYA BOLEH MINUM SUSU SAHAJA'		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244403/yusrina-hanya-boleh-minum-susu-sahaja?source=widget	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PASANGAN SUAMI ISTERI DIPENJARA DERA ANAK GUNA KULIT DURIAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pasangan-suami-isteri-dipenjara-dera-anak-guna-kulit-durian	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-kandung-bapa-tiri-mengaku-salah-dera-anak-berusia-8-tahun-dengan-kulit-durian/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1424132/ibu-dera-anak-dengan-kulit-durian-didenda-rm18000-suami-dipenjara-5-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244378/dera-anak-dengan-kulit-durian-ibu-kandung-didenda-bapa-tiri-dipenjara?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740213/berita/semasa/suami-isteri-dera-anak-guna-kulit-durian-dihukum-penjara-denda	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/24/suami-dipenjara-isteri-didenda-dera-anak-guna-kulit-durian	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/24/dera-anak-guna-kulit-durian-suami-dipenjara-5-tahun-isteri-didenda-rm18000/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/suami-isteri-didenda-dipenjaras-lepas-dera-anak-guna-kulit-durian/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=a1X7fHDH1lo	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	POLIS SIASAT KES DOKTOR DIDAKWA CABUL PESAKIT WANITA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-kes-doktor-didakwa-cabul-pesakit-wanita/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/polis-lengkapkan-siasatan-doktor-disyaki-cabul-pesakit/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740131/berita/semasa/tpr-arrah-lengkapkan-siasatan-kes-doktor-cabul-pesakit---polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/polis-lengkapkan-siasatan-kes-doktor-cabul-pesakit-wanita-MD14535999	THESUN.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/24/polis-masih-siasat-kes-doktor-kerajaan-cabul-empat-pesakit/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1424036/polis-terima-arahan-siasat-lanjut-kes-doktor-cabul-pesakit	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/750028	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/24/dpp-orders-penang-cops-to-complete-probe-into-doctor-arrested-four-times-over-alleged-indecent-acts-including-molestation-of-female-patient/185031	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/110887/police-probe-further-into-doctors-alleged-sexual-misconduct-involving-patient	THEVIBES.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=w2TCUicS77w	YOUTUBE	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1249546/further-investigations-ordered-doctor-accused-molesting-patients	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/24/penang-cops-to-further-investigate-doctor-nabbed-for-molesting-four-female-patients	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	POLIS TAHAN BAPA SAUDARA BAYI MAUT DISERANG ANJING		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-tahan-bapa-saudara-bayi-maut-diserang-anjing/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/24/bapa-saudara-ditahan-bantu-siasatan-bayi-maut-diserang-anjing/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244401/bayi-maut-diserang-anjing-polis-tahan-bapa-saudara?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1424188/polis-tahan-bapa-saudara-bayi-orang-asli-maut-digigit-anjing	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/07/24/polis-tahan-bapa-saudara-kanak-kanak-maut-digigit-anjing	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740179/berita/semasa/bapa-saudara-kanak-kanak-maut-digigit-anjing-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2448994	BERNAMA.COM	
	https://suarasarawak.my/polis-tahan-bapa-saudara-kanak-kanak-maut-digigit-anjing/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	REMAJA OKU LAKUKAN AMANG SEKSUAL DIPERINTAH DITAHAN DI SEKOLAH HENDRY GURNEY		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1424007/remaja-oku-lakukan-amang-seksual-diperintah-ditahan-di-sekolah-hendry	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1244286/remaja-cabul-kenalan-atas-motosikal-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney?source=widget	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'MAMACARE POSTNATAL TRAINING BENEFITS OVER 2,600 WOMEN'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 JUL 2025

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

'MamaCare postnatal training benefits over 2,600 women'

Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: A total of 2,661 women have been successfully trained under the MamaCare Postnatal Care programme, with 1,482 qualifying for the Malaysian Skills Diploma Level 4 (DKM4), said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said the initiative, developed by the National Population and Family Development Board (LPPKN) in collaboration with the Traditional and Complementary Medicine (TCM) Division and the Department of Skills Development (JPK), is recognised under the National Occupational Skills Standard (NOSS).

"MamaCare is a capacity-building initiative aimed at enhancing women's well-being through traditional postnatal care practices," she said in her speech during the MamaCare convocation ceremony at Universiti Putra Malaysia here yesterday.

"The programme not only provides valuable skills but also offers financial opportunities to participants while elevating the quality of postnatal services."

She added that the programme has reached nearly 60,000 women nationwide who have benefited



Nancy (left) presents a certificate to MamaCare graduate during the convocation ceremony.

from MamaCare practitioners' services.

Nancy noted that the MamaCare programme plays a dual role in strengthening family health while empowering women economically.

"The structured and certified training provided by LPPKN ensures high standards of service, builds public trust, and supports

the Madani Government's goal of addressing the skilled labour gap," she said.

LPPKN has also established five practical assessment centres to conduct hands-on training. These centres are located at the LPPKN Family Centre in Penang and Seremban, Klinik Nur Sejahtera Dungun and Kempas, and the LPPKN headquarters.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM sambut baik inisiatif baharu PM

Nasional - Dicipta: 24 Julai 2025 03:24 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri merasmikan Konvokesyen MamaCare Kali Ke-4 yang berlangsung di Dewan Utama, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, hari ini/Foto FB Hajah Nancy Haji Shukri

SERDANG, 24 Julai - Pengumuman inisiatif baharu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam disambut baik Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri.

Menurut beliau, inisiatif ini dapat membantu rakyat, terutamanya golongan belia berusia 18 tahun ke atas, terutamanya peruntukan RM100 yang diberikan kepada mereka serta pelbagai bentuk bantuan lain.

"Pengumuman ini disambut baik kerana ramai yang menunggu dengan penuh harapan, bahkan kami di peringkat kementerian juga turut menantikan apakah langkah yang bakal diumumkan oleh kerajaan.

"Adalah diharapkan bantuan ini digunakan secara berhemah dan bertanggungjawab. Ini selaras dengan iltizam Perdana Menteri yang sentiasa berusaha mencari solusi terbaik demi kebajikan rakyat melalui pelbagai inisiatif," katanya.

Tambah Datuk Seri Nancy, hasil daripada perbincangan bersama, Perdana Menteri akhirnya membuat keputusan untuk menyalurkan bantuan ini, khususnya penurunan harga petrol RON95 yang dapat membantu rakyat.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Seri Anwar atas keprihatinan beliau dalam menyantuni keperluan rakyat.

Sementara itu, Datuk Seri Nancy turut merasmikan Konvokesyen MamaCare Kali Ke-4 yang berlangsung di Dewan Utama, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, hari ini.

Majlis ini merupakan satu platform penting dalam memperkasa golongan wanita, khususnya dalam bidang penjagaan kesihatan selepas bersalin.

Beliau memaklumkan seramai 1,482 telah ditauliahkan dalam pengajian Diploma Kemahiran Malaysia tahap 4 (DKM4) dalam Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare.

"Industri ini berpotensi besar dalam menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi negara. Kita mahu melahirkan tenaga mahir yang bukan sahaja pakar dalam penjagaan ibu bersalin, tetapi juga mampu menjadi 'caregiver' yang serba boleh," ujarnya.

Tambah beliau lagi, peserta program terdiri daripada pelbagai peringkat umur dari 20 tahun hingga 73 tahun.

Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa industri ini mampu menawarkan peluang kepada semua golongan masyarakat, selagi mereka berada dalam keadaan sihat dan berkemampuan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1,482 Pengamal Bertauliah Rancakkan Industri Penjagaan Selepas Bersalin – KPWK

🕒 24/07/2025 08:36 PM



—FotoFB Hajah Nancy Haji Shukri

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melatih 2,661 wanita menerusi Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare dengan 1,482 daripadanya layak ditauliahkan Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM4).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dalam kenyataan memaklumkan perkara itu diumumkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri semasa perasmian Majlis Konvokesyen MamaCare keempat yang berlangsung di Serdang, dekat sini hari ini.

Nancy berkata program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare mendapat pengiktirafan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan dibangunkan LPPKN dengan kerjasama Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (TCM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

"Program ini telah berjaya memanfaatkan hampir 60,000 wanita yang telah mendapat perkhidmatan daripada pengamal MamaCare," katanya dalam kenyataan itu.

Program MamaCare merupakan program latihan kapasiti kesejahteraan wanita bagi mengangkat amalan tradisional penjagaan ibu selepas bersalin.

Kemahiran profesional turut memberi pulangan yang signifikan bukan sahaja dalam aspek kewangan kepada pengamal MamaCare, tetapi juga mutu perkhidmatan yang membawa kepada peningkatan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap industri penjagaan ibu selepas bersalin.

KPWKM memaklumkan usaha LPPKN melalui penawaran latihan berstruktur dan bertauliah MamaCare adalah sebahagian daripada komitmen KPWK dan Kerajaan MADANI dalam mendepani kekurangan tenaga kerja berkemahiran di samping memastikan ia terus kekal relevan dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Malaysia.

"LPPKN telah menyediakan lima buah Pusat Penilaian Amali bagi latihan ibu selepas bersalin iaitu di Pusat Keluarga LPPKN Pulau Pinang, Klinik Nur Sejahtera Dungun, Pusat Keluarga LPPKN Seremban, Klinik Nur Sejahtera Kempas dan Ibu Pejabat LPPKN," menurut kenyataan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM SALUR LEBIH RM20 JUTA KEPADA PSK BANTU GOLONGAN RENTAN

🕒 24/07/2025 10:54 PM



KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyalurkan sebanyak RM20.65 juta tahun ini kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang menyediakan perkhidmatan kepada warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak.

Timbalan Menteri KPWK Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata bantuan itu termasuk makanan dan minuman, elaun khas murid OKU, elaun sukarelawan serta geran pentadbiran dan infrastruktur.

"Bantuan itu berasaskan prinsip kebajikan sebagai tanggungjawab bersama, justeru, PSK digalakkan mendapatkan sumber pembiayaan tambahan tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan," katanya.

Noraini berkata demikian ketika sesi pengguguran perbahasan Laporan Tahunan serta Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2023 bagi KPWK pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mengenai cadangan menubuhkan kementerian khusus warga emas sebagai persediaan Malaysia menjadi negara menua, beliau berkata Majlis Penasihat dan Perundangan Orang Emas Negara akan menjadi platform utama menyelaras isu berkenaan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang semasa menggugur perbahasan laporan itu berkaitan hak asasi Orang Asli, berkata kerajaan komited memastikan tiada golongan tercicir dalam semua aspek termasuk hak demokrasi.

Beliau berkata Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya menganjurkan kempen kesedaran kepada pengundi di perkampungan Orang Asli dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan pertubuhan masyarakat sivil bagi memberi kefahaman jelas mengenai kepentingan sebagai pengundi.

"Bagi memastikan akses fizikal juga tidak menjadi halangan, JAKOA turut membantu memudahkan cara pengangkutan dan logistik khususnya bagi komuniti yang berada di pedalaman dan sukar diakses," katanya.

Ketika menggugur perbahasan bagi Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Timbalan Menteri berkenaan Datuk Aiman Athirah Sabu berkata kerajaan sedang membangunkan pusat sehenti bagi menyeragamkan prosedur permohonan dan kelulusan lesen premis dan penaja.

Beliau berkata cadangan serta kaedah pelaksanaannya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) untuk kelulusan pemakaian oleh kerajaan negeri sebelum dikuatkuasakan di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Aiman Athirah berkata KPKT sentiasa proaktif dan responsif bagi memudahkan cara urusan permohonan lesen perniagaan yang melibatkan premis dan penaja.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PARLIMEN: Pihak eksploitasi kanak-kanak untuk mengemis boleh dipenjar



NANCY SHUKRI

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI dan FATIN NORIZATI MAT ISA 24 Julai 2025, 9:41 am

KUALA LUMPUR: Mana-mana pihak yang mengeksploitasi kanak-kanak untuk tujuan mengemis boleh dihukum denda sehingga RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun jika didapati berbuat demikian.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya memandang serius terhadap kegiatan itu dengan undang-undang di bawah Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) boleh digunakan untuk mengekang perbuatan itu.

Katanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) giat melaksanakan operasi penguatkuasaan secara ad-hoc dan berkala bagi membanteras kegiatan mengemis membabitkan kanak-kanak serta golongan dewasa di tempat awam.

"Operasi yang dikenali sebagai Tindakan Mengambil Orang Papa itu dilaksanakan berdasarkan aduan dan secara berkala dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan serta Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

"Tindakan tegas perlu diambil kerana kegiatan mengemis melibatkan kanak-kanak bukan sahaja mencabul hak mereka untuk membesar dalam persekitaran selamat dan bermaruah, malah menjurus kepada eksploitasi menyalahi undang-undang.

"KPWK memandang serius isu eksploitasi kanak-kanak yang dipergunakan untuk mengemis. Di bawah Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), mana-mana pihak yang didapati mengeksploitasi kanak-kanak untuk tujuan ini boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM20,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam jawapan bertulis hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah) yang ingin mengetahui tindakan kerajaan dalam menangani isu kanak-kanak yang dipergunakan untuk meminta sedekah di tempat awam serta sejauh mana kerjasama antara JKMM dan agensi penguatkuasa lain dalam membanteras kegiatan berkenaan.

Nancy berkata, JKMM turut menjalankan kempen kesedaran secara berterusan untuk mendidik orang awam agar tidak memberi wang kepada kanak-kanak yang mengemis kerana tindakan tersebut hanya menggalakkan eksploitasi berterusan.

Bagi kanak-kanak yang berjaya diselamatkan, katanya, mereka akan diberikan khidmat kaunseling, sokongan psikososial, bimbingan emosi serta pendidikan semula yang dapat memulihkan keyakinan diri dan kesejahteraan mental mereka.

"Menangani isu eksploitasi kanak-kanak dalam aktiviti mengemis memerlukan komitmen yang menyeluruh dan berterusan. Ia bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, malah memerlukan kerjasama erat daripada seluruh lapisan masyarakat.

"Setiap individu mempunyai tanggungjawab moral dan sosial untuk melaporkan sebarang bentuk eksploitasi terhadap golongan yang lemah ini. Kita semua perlu berganding bahu memastikan hak dan maruah kanak-kanak terus dipelihara," katanya.

— UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 354 KES KANAK-KANAK MAUT DIDERA TEMPOH 5 TAHUN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

354 kes kanak-kanak maut didera tempoh 5 tahun

Kuala Lumpur: Sebanyak 354 kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di seluruh negara, membawa kepada kematian mangsa dalam tempoh antara 2020 sehingga 2024.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), 44 kes penderaan kanak-kanak membawa kepada kematian pada 2020, 24 kes (2021), 74 kes (2022), 98 kes (2023) dan 114 kes pada 2024.

Beliau berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius insiden membabitkan kematian kanak-kanak, khususnya berpunca kecuai dan penderaan.

"Antara langkah utama diambil oleh KPWK untuk mengurangkan risiko berlaku penderaan adalah dengan pelaksanaan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak.

"Antara pengisian program dilancarkan pada 2023 ialah sesi ceramah interaktif mengenai hak kanak-kanak, keselamatan kanak-kanak, ceramah interaktif buli siber dan ceramah interaktif antigangguan seksual," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Yeo Bee Yin (PH-Puchong) mengenai jumlah kes kematian kanak-kanak akibat kecuai dan penderaan serta yang didakwa dan disabitkan kesalahan pada ta-

hun 2020 hingga 2024.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, pada tahun lalu, 337 sekolah melaksanakan program advokasi itu, membabitkan capaian kepada lebih 128,000 kanak-kanak.

Beliau berkata, program itu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (MCMC).

"Pada tahun ini, KPWK menyasar pelaksanaan program ini membabitkan 300 sekolah dan 30 pusat aktiviti kanak-kanak terpilih seluruh negara," katanya.

Sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya insiden penderaan atau pengabaian di Taman Asuhan Kanak-Kanak

(TASKA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menambah baik peraturan serta garis panduan operasi TASKA agar kanak-kanak dapat dilindungi.

"Selain itu, Talian Kasih 15999 juga menjadi saluran komunikasi penting untuk membolehkan masyarakat membuat aduan secara cepat dan mudah. Talian ini beroperasi 24 jam sehari dan disambungkan terus kepada pihak JKJ serta PDRM untuk tindakan segera.

"Ini membantu memastikan sebarang kes penderaan atau pengabaian dapat dikesan lebih awal dan diambil tindakan dengan segera sebelum keadaan menjadi lebih buruk," katanya.

Nancy berkata, langkah itu menunjukkan komitmen KPWK dalam melaksanakan

intervensi awal secara proaktif bagi mencegah sebarang insiden penderaan atau kecuai yang boleh membawa kepada kehilangan nyawa kanak-kanak.

"Pendekatan ini menekankan kerjasama di antara pelbagai pihak termasuk masyarakat, sekolah, institusi kesihatan dan agensi penguatkuasaan bagi mewujudkan rangkaian perlindungan yang menyeluruh.

"Pada masa yang sama, diharapkan masyarakat lebih prihatin dan cakna dengan apa yang berlaku di kalangan sekeliling di komuniti kita serta berganding bahu agar dapat membendung kes pengabaian, penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



354 kes dera kanak-kanak bawa kematian dalam lima tahun – Nancy

🕒 24 Julai 2025, 12:19pm



FOTO IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR: Sebanyak 354 kes penderaan kanak-kanak yang membawa kepada kematian dilaporkan dalam tempoh lima tahun hingga 2024.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 44 kes penderaan kanak-kanak membawa kepada kematian pada 2020, 24 kes (2021), 74 kes (2022), 98 kes (2023) dan 114 kes pada tahun 2024.

Katanya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius setiap insiden melibatkan kematian kanak-kanak, khususnya yang berpunca daripada kecuiaan dan penderaan.

"Salah satu langkah utama yang diambil oleh KPWK untuk mengurangkan risiko berlakunya penderaan adalah dengan pelaksanaan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak.

"Di antara pengisian program yang dilancarkan pada tahun 2023 ini ialah sesi ceramah interaktif mengenai hak kanak-kanak, keselamatan kanak-kanak, ceramah interaktif buli siber dan ceramah interaktif antigangguan seksual," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Yeo Bee Yin (PH-Puchong) mengenai jumlah kes kematian kanak-kanak akibat kecuiaan dan penderaan serta yang didakwa dan disabitkan kesalahan pada tahun 2020 hingga 2024.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, pada tahun lalu, sebanyak 337 sekolah telah melaksanakan program advokasi itu, membabitkan capaian kepada lebih 128,000 kanak-kanak.

Menurutnya, program itu dilaksana dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).

"Pada tahun 2025, KPWK menyasarkan pelaksanaan program ini di 300 sekolah dan 30 pusat aktiviti kanak-kanak terpilih seluruh negara," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PARLIMEN: Jumlah OKU cecah lebih 750,000 orang



NANCY SHUKRI

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI dan FATIN NORIZATI MAT ISA 24 Julai 2025, 11:39 am

KUALA LUMPUR: Seramai 751,421 orang kurang upaya (OKU) telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat 31 Disember 2024 dengan golongan lelaki mencatat jumlah tertinggi iaitu 493,711 orang berbanding wanita seramai 257,710 orang.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pendaftaran OKU merangkumi tujuh kategori utama iaitu fizikal, penglihatan, pendengaran, pertuturan, pembelajaran, mental dan pelbagai.

"Tiga kategori tertinggi yang direkodkan ialah OKU pembelajaran (294,257 orang), diikuti OKU fizikal (251,908 orang) dan OKU penglihatan (63,118 orang).

Dari segi agihan negeri, Selangor mencatat jumlah pendaftaran tertinggi dengan 127,373 orang OKU, diikuti Johor (86,434), Perak (64,801) dan Pulau Pinang (41,540)," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman rasmi Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Syerleena Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera) berhubung data berkaitan dengan peratusan pendaftaran lelaki dan wanita OKU mengikut kategori pendengaran, penglihatan, fizikal dan lain-lain dan mengikut negeri, etnik dan umur yang telah mendaftar setakat 31 Disember 2024.

Mengulas pecahan mengikut etnik, Nancy berkata, etnik Melayu mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 291,105 orang, diikuti etnik Cina (84,317), India (43,737), lain-lain (46,955), Bumiputera Sabah (25,478) dan Bumiputera Sarawak (14,006).

Berdasarkan umur, sebanyak 203,333 orang OKU berdaftar adalah berumur 18 tahun dan ke bawah, manakala 387,214 orang berumur antara 19 hingga 59 tahun dan 160,874 orang lagi berusia 60 tahun dan ke atas. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sumbangan kecil tetapi amat bermakna bagi keluarga Ismail



PAINAH Ismail dan abangnya. Kamarudin Ismail menunjukkan bumbung rumah keluarga mereka yang diganti baharu oleh Yayasan Perak di Kampung Jawa, Tapah Road, Tapah – UTUSAN/MUHAMMAD NAZREEN SYAH MUSTHAPA

Oleh MEGAT LUTH MEGAT RAHM 24 Julai 2025, 8:00 am

TAPAH: Sumbangan yang diberikan mungkin kecil namun amat besar maknanya buat seorang warga emas yang menerima bantuan baik pulih bumbung rumah daripada kerajaan negeri.

Ismail Mangun, 89, menerima bantuan tersebut menerusi Yayasan Perak, selaras dengan pelan Perak Sejahtera 2030 dalam aspek Perumahan Sejahtera dan Membasmi Miskin Tegar 2025.

2030 PERAK SEJAHTERA

Ia merupakan idea dicetuskan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad bagi memacu negeri ke arah kemajuan dan mensejahterakan rakyat.

Sumbangan itu amat diperlukan oleh Ismail, yang mengalami masalah kesihatan kerana faktor usia dan kini dijaga oleh anak ketiganya, Painah Ismail, 61, di Kampung Jawa, Tapah Road di sini.

Rumah tersebut didiami Ismail, tiga orang anaknya termasuk anak lelakinya iaitu orang kelainan upaya (OKU) fizikal dan seorang cucunya yang masih bersekolah di sebuah sekolah menengah berdekatan.

Painah berkata, kediaman bapanya terutama bahagian bumbung mula rosak kerana telah usang selain kayu-kayu yang menjadi penguatnya dimakan anai-anai.

Menurutnya, ini menyebabkan strukturnya tidak stabil dan membahayakan kepada penghuni sekiranya tidak dibaik pulih dengan segera.

"Saya bersyukur kerana tindakan segera kerajaan negeri menerusi Yayasan Perak di bawah Program Sayangi Rumahku yang mengambil langkah pantas menukar kesemua bumbung yang rosak.

"Kalau hendak gantikan bumbung rumah guna wang sendiri, kami tiada modal kerana pendapatan kami tidak seberapa. Hanya cukup untuk membayar bil utiliti dan keperluan asas seharian untuk kami berlima.

"Saya difahamkan kos baik pulih itu menelan belanja sebanyak RM16,000 dan siap sepenuhnya dalam beberapa hari sahaja. Kami tidak lagi khuatir tentang keselamatan selain boleh tinggal dengan selesa," katanya.

Menurutnya, bumbung baharu itu membolehkan mereka berlima menjalani kehidupan dengan baik berbanding sebelum ini.

"Bantuan ini menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri menerusi Yayasan Perak termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Kuning, Dr. Mohamad Yusri Bakir yang memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan," katanya.

Painah juga menghargai Mohamad Yusri atau lebih mesra dengan panggilan Cikgu Yusri, yang kerap turun padang membantu dan menghulurkan bantuan kepada keluarganya termasuk bantuan kotak makanan, kewangan selain bantuan kerusi roda bagi bapanya.

"Cikgu Yusri, Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang dan Ketua Kampung Jawa Tapah Road sentiasa mengambil berat perihal keperluan kami sekeluarga," katanya. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tak mampu bayar rumah sewa, 8 beranak tinggal di rumah sarang burung walet



NORHASPIDA YATIM

Follow

24 Julai 2025 04:21pm



Ahmad Razif (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada keluarga tersebut ketika kunjungan pada Khamis.

KUALA NERUS - Sepasang suami isteri bersama enam anak mereka terpaksa berlindung di sebuah bangunan yang dijadikan rumah sarang burung walet sejak lebih setahun lalu kerana tidak mampu menyewa rumah lain.

Keluarga berkenaan yang kini menetap di Kampung Batin, di sini, menjadikan bangunan kosong milik ibu wanita tersebut sebagai tempat berteduh selepas tidak lagi mampu menjelaskan sewa rumah sebanyak RM550 sebulan, termasuk tanggakan terdahulu.



Nur Nadiatul Asyikin menjadikan hasil jualan ais krim bagi menampung sumber pendapatan keluarga.

Menurut Nur Nadiatul Asyikin Muhammad Nasir, 36, rumah tersebut asalnya dibina khusus untuk penternakan burung, namun mereka tiada pilihan selepas dihimpit beban kewangan.

"Kami ubah suai sedikit-sikit rumah ini ikut kemampuan. Tapi keadaannya tidak sempurna, tiada tandas dan kami terpaksa ke stesen minyak berdekatan untuk buang air besar.

"Bilik mandi pun tak berapa lengkap lagi dan kawasan sini selalu dimasuki haiwan liar seperti ular dan babi yang mengancam keselamatan anak-anak yang masih kecil.

"Mujur setakat ini tiada yang pernah menjadi mangsa," katanya ketika ditemui di sini, pada Khamis.

Tambah Nur Nadiatul Asyikin, suaminya, Mohd Nazarudin Muhamat, 50, hanya bekerja sebagai mekanik dengan pendapatan tidak tetap, manakala beliau sendiri menjalankan perniagaan kecil-kecilan menjual ais krim bagi menampung keperluan keluarga.

"Kadang-kadang kami dapat RM1,000 sebulan, kadang-kadang cuma RM500.

"Kalau ada lebih, saya simpan untuk bulan depan. Untuk menyewa rumah lain memang tak mampu buat masa ini," katanya yang kini hamil tujuh bulan anak ketujuh dan dijangka bersalin Disember depan.

Keluarga tersebut mempunyai enam anak berusia antara tiga hingga 12 tahun, termasuk anak sulung yang disahkan menghidap gangguan hiperaktif dan masalah tumpuan (ADHD) sejak kecil.

Difahamkan, mereka telah mengemukakan permohonan bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Jelas Nur Nadiatul Asyikin, sebelum ini beliau tinggal di Kuala Lumpur, namun memilih untuk pulang ke Terengganu ketika pandemik Covid-19 kerana tidak mampu menampung kos sara hidup di sana.



Mohd Nazarudin mengambil upah membaiki kenderaan di bangunan rumah sarang burung walet yang dihuni bersama isteri dan anak-anaknya sejak setahun lalu.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Terengganu, Md Razi Md Lazim berkata, pihaknya telah meninjau keadaan keluarga berkenaan dan memberi jaminan untuk membaiki pulih rumah tersebut.

"Kita akan bantu baik pulih rumah ini supaya lebih selesa dengan penambahan ruang tamu, dapur dan tandas.

"Peruntukan sudah tersedia dan hanya menunggu lantikan kontraktor untuk kerja-kerja selanjutnya," katanya.



Mohd Nazarudin hanya bekerja sebagai mekanik dengan pendapatan tidak tetap.

Dalam perkembangan sama, Ketua UMNO Bahagian Kuala Nerus, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman turut menzahirkan penghargaan kepada pihak KKDW atas tindakan segera membantu keluarga terabit.

"Saya yakin keadaan keluarga ini akan berubah selepas rumah ini dibaik pulih. Ia membuktikan kerajaan hari ini prihatin terhadap isu yang dihadapi rakyat," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Disebabkan nafsu, saya hampir masuk penjara' - pelatih PKM

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my



PKM Jabatan Kebajikan Masyarakat, menghadiri Program Skill And Career @ Community Service Order. FOTO Nazdy Harun

Kuala Terengganu: "Saya insaf kerana disebabkan nafsu, saya hampir menjejak kaki ke penjara selain berdepan hukuman sebat," kata pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) yang selesai menjalani hukuman 120 jam atas pertuduhan merogol teman wanita bawah umur.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai Suhaimi, 18, berkata, hari ini dia sudah dibebaskan daripada PKM selepas selesai menjalani hukuman dan berikrar menumpukan perhatian kepada pekerjaan.

Menurutnya, kisahnya bermula ketika berusia 17 tahun apabila mengenali seorang perempuan yang usianya setahun lebih muda.

Katanya, walaupun perkenalan singkat selama tiga bulan, dia berani ke rumah teman wanitanya dan kemuncaknya berlaku kejadian luar dugaan apabila dia meniduri teman wanitanya.

"Perbuatan itu disedari keluarga dia. Ekoran itu, satu laporan polis dibuat ke atas saya dan selepas melalui proses perundangan saya dijatuhkan hukuman PKM berikutan masih di bawah umur," katanya.

Suhaimi ditemui selepas Program Skill And Career @ Community Service Order - Sokongan Pekerjaan Bagi Pelatih-Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Terengganu di Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu, di sini, hari ini.

Seorang lagi pelatih PKM yang hanya mahu dikenali sebagai Mustakim, 19, berkata, dia berdepan hukuman PKM selama 240 jam akibat bergaduh.

"Perbuatan itu dilakukan ketika saya berada di sebuah madrasah. Amarah membuatkan saya hilang pertimbangan hingga berlakunya pergaduhan bersama seorang lagi pelajar," katanya.

Menurutnya, bermula dengan perang mulut membawa kepada pukul memukul dan keluarga kepada rakannya itu kemudian membuat laporan polis hingga membawa kepada hukuman diterimanya hari ini.

Katanya, dia merancang untuk terus melanjutkan pengajian dalam bidang al-Quran dan hadis selepas selesai hukuman PKM yang dijalankan itu.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kanak-Kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat JKM Terengganu, Rodziah Abd Razak berkata, bermula 2021 sehingga Julai tahun ini, terdapat seramai 273 pelatih PKM.

"Tahun ini seramai 37 pelatih PKM menjalani perintah yang ditetapkan mahkamah antara 120 sehingga 240 jam.

"Program kali ini bertujuan membantu memastikan pelatih PKM mendapatkan pekerjaan dan program kali ini julung kalinya JKM Terengganu berkolaborasi bersama Perkeso," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Yusrina hanya boleh minum susu sahaja'

Khirrul Nirwan Bahaudin
am@hmetro.com.my



Yusmadi bin Yusof (dua dari kanan) bersama isteri, Syarifah Fatimah Mardiyah Syed Zahiddin (kin) menjaga anak mereka, Yusrina Syafira binti Yusmadi, yang terlanter akibat penyakit SLE di rumah mereka di Kampung Kuala Mai, Temerloh. FOTO KHIRRUL NIRWAN BAHAUDIN

Temerloh: "Yusrina hanya boleh minum susu sahaja. Itulah sumber tenaga dia," kata Yusmadi Yusof, 42, bapa kepada Yusrina Syafira, yang terlanter akibat penyakit autoimun Systemic Lupus Erythematosus (SLE).

Menurutnya, Yusrina, 14, sudah dibenarkan keluar dari Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan pada 21 Julai lalu dan kini dirawat di rumah mereka di Kampung Kuala Mai, di sini.

"Dia tak boleh makan makanan lain dan bergantung kepada susu itu sahaja. Satu tin berharga RM120 dan hanya bertahan empat hingga lima hari.

"Sekarang saya sedang berusaha mendapatkan kerusi roda khas seperti yang disarankan doktor," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Dia berkata, keluarganya turut dibantu pelbagai pihak seperti Pertubuhan Kemanusiaan Kanaan Malaysia dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang menyalurkan bantuan awal seperti lampin pakai buang, katil dan tangki oksigen.

Yusmadi berkata, dia bersyukur apabila melihat keadaan anaknya semakin stabil walaupun belum mampu bercakap dengan jelas.

"Saya hanya mahu dia sihat semula," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Orang Merdeka dan Cakna Temerloh (Kome Cakna), Abdul Jamil Yaakub berkata, pihaknya menggerakkan kutipan dana bagi menampung kos pembelian kerusi roda khas yang dianggarkan bernilai RM1,600.

"Kami masih menunggu laporan perubatan daripada HTAA sebelum membuat tempahan kerusi khas itu," katanya.

Beliau turut dimaklumkan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Temerloh sudah meluluskan bantuan segera sebanyak RM300 kepada keluarga berkenaan, dan akan menyalurkan bantuan bulanan RM500 di bawah Skim Penjagaan Pesakit Terlanter bermula Ogos ini.

Terdahulu, Yusrina Syafira disahkan menghidap penyakit autoimun Systemic Lupus Erythematosus (SLE) pada April lalu selepas mengalami gejala bengkak badan dan sesak nafas.

Anak kedua daripada lima beradik itu sebelum ini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) HTAA selepas menjalani beberapa prosedur kritikal termasuk pembedahan kepala akibat pendarahan secara tiba-tiba.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'NAK JAGA UMI HINGGA SEMBUH'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 JUL 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Jitra

Baru berusia 12 tahun, namun Muhammad Rayyan Qalbi Mohd Shukri sudah menggalas tanggungjawab menjaga ibu dan neneknya yang menghidap kanser, selain datuknya yang uzur.

Murid tahun enam Sekolah Kebangsaan (SK) Megat Dewa, Kodiang itu tidak pernah mengeluh walaupun bangun seawal jam 6 pagi setiap hari untuk menguruskan makan minum buat ibunya, Nurul Jannah Abdul Rahman, 35, yang menghidap kanser ovari tahap empat.

Sebelum ini, dua beranak itu menyewa rumah di Alor Setar, namun terpaksa berpindah ke rumah neneknya sejak Oktober tahun lalu selepas ibu bapanya berpisah.

Muhammad Rayyan berkata, ibunya menghidap kanser ovari sejak tahun lalu dan kini merebak ke bahagian hati selain turut mengalami masalah jantung.

Menurutnya, neneknya, Munah Musa, 73, pula menghidap kanser usus sementara datuknya berada dalam keadaan uzur.

"Saya cuma ada umi, tapi bila tahu umi sakit kanser, saya sedih dan nak jaga dia sampai dia sembuh. Saya harap semoga ibu kembali sihat kerana saya tiada siapa lagi melainkan ibu, nenek dan datuk di rumah ini.

"Setiap hari, Paksu (bapa saudara) hantar saya ke sekolah dengan motosikal dan selepas pulang ke rumah, saya akan jaga umi termasuk memasak nasi serta goreng telur untuknya," katanya di rumah neneknya di Kampung Telaga Jambu, Mukim Padang Perahu, di sini, semalam.

Sementara itu, Nurul Jannah berkata, sebelum ini dia sudah menjalani rawatan termasuk ke-



ZURAINI (kanan) ketika menziarahi Nurul Jannah (dua dari kanan) serta Muhammad Rayyan.

BUDAK 12 TAHUN JAGA INSAN TERSAYANG

'Nak jaga umi hingga sembuh'

moterapi di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar.

Katanya, selepas itu dia tidak dapat menjalani rawatan susulan atas sebab tertentu.

"Ketika itu saya baru menjalani ujian imbasan tomografi berkomputer (CT Scan) dan doktor mengesahkan sel kanser sudah merebak ke hati.

"Namun, selepas menjalani tiga pusingan kemoterapi, sel kanser di seluruh badan saya sudah berkurangan.

"Namun, keadaan kesihatan saya merosot pada bulan lalu apabila doktor memberi tahu sel kanser kembali aktif di

bahagian hati ketika melakukan CT Scan, baru-baru ini," katanya.

Katanya, dia yang mempunyai masalah jantung terpaksa berulang-alik ke HSB dengan memandu kereta sendiri bagi menjalani pemeriksaan.

"Sebelum ini saya tangguh lima kali kemoterapi kerana menjaga ibu yang juga pesakit kanser usus sejak 2017 dan sudah menjalani pembedahan memotong usus serta kemoterapi.

"Walaupun sakit, saya perlu menjaga emak dan Rayyan paling banyak membantu kerana dia pandai memasak... itu pun apa yang dia tahu.

"Dia paling saya harap sekarang kerana datuknya mengalami masalah pendengaran serta demensia, manakala neneknya pula tidak larat berjalan dan terpaksa menggunakan tongkat," katanya.

Katanya, dia akan terus menjalani kemoterapi sembilan pusingan lagi untuk kembali sihat seperti yang diharapkan anaknya.

"Waktu malam, saya akan membantu Rayyan ulang kaji pelajaran dan dia (anak) juga membantu memicit badan serta menyediakan makan malam.

"Telur antara bahan utama yang sentiasa ada di rumah dan selalunya Rayyan akan goreng telur atau nasi goreng untuk hidangan keluarga," katanya.

Orang ramai yang ber-sympati dengan keluarga ini boleh menghulurkan sumbangan ke akaun **Maybank 152069067273** atas nama Nurul Jannah Abdul Rahman.

Sementara itu, Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal yang melawat Nurul Jannah terharu dengan kesungguhan Rayyan yang menjaga ibunya.

Katanya, pihak CSM akan memberi sokongan kepada Nurul Jannah untuk meneruskan rawatan dan membantu mereka jika memerlukan.



MUHAMMAD Rayyan bersama ibunya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pasangan suami isteri dipenjarakan dera anak guna kulit durian

Jenayah - Dicipta: 24 Julai 2025 05:50 PM



Foto RTM

KUALA LUMPUR, 24 Julai – Pasangan suami isteri dihukum penjara selepas mengaku bersalah mendera anak perempuan mereka menggunakan kulit durian minggu lalu.

Tertuduh Yorlini Abdullah Umar, 32 tahun dan suaminya Bunyamin Sukiman, 42 tahun yang juga bapa tiri kanak-kanak tersebut dijatuhkan hukuman berbeza oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Mohd Zaki Mohd Salleh.

Kesalahan dilakukan ke atas mangsa berusia 8 tahun sehingga menyebabkan kecederaan pada badan kanak-kanak terbabit di sebuah unit kediaman di Jalan Ampang, di sini, pada pukul 6 petang pada 16 Julai lalu.

Pertuduhan terhadap tertuduh dikemukakan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda sehingga RM50,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut fakta kes, insiden itu mula dikesan apabila Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) sekolah memanggil mangsa untuk siasatan susulan aduan yang mendakwa dia telah memotong tudung seorang pelajar lain.

Namun, siasatan pihak sekolah mendapati mangsa tidak terbabit dalam insiden tersebut. Sebaliknya, semasa disoal siasat, mangsa mendedahkan bahawa dia telah dipukul, telinganya dipulas dan ditumbuk oleh ibu serta bapa tirinya.

Dalam pada itu, tangan mangsa yang terluka diletakkan atas lantai sebelum kulit durian dijatuhkan ke atasnya dan kemudian luka tersebut direndam dengan air suam bergaram.

Timbalan Pendakwa Raya, Ravindejit Kaur telah memohon pasangan tersebut dikenakan hukuman berat supaya menjadi pengajaran kepada masyarakat kerana perbuatan mereka merendam luka dalam air garam merupakan tindakan yang sangat zalim dan ekstrem.

Jelasnya, sebagai ibu bapa sepatutnya menjadi pelindung kepada anak-anak dan bukan tempat untuk melepaskan geram.

Sementara itu, peguam Simret Singh yang mewakili pasangan tersebut merayu hukuman minimum dengan alasan Bunyamin penyumbang nafkah tunggal keluarga yang bekerja sebagai penasihat jualan kenderaan, manakala Yorlini pula seorang suri rumah dan tidak bekerja, selain mmbagikan alasan mempunyai dua anak termasuk mangsa.

Kedua-dua tertuduh sudah ditahan reman selama tujuh hari.

Mahkamah bagaimanapun menjatuhkan hukuman RM18 ribu terhadap Yorlini setelah meneliti hujah ke dua-dua pihak dan jika gagal membayar tertuduh boleh dikenakan penjara selama tiga bulan.

Bunyamin Sukiman pula dihukum penjara lima tahun bermula tarikh reman 18 Julai lalu.

Pasangan itu turut dikenakan bon berkelakuan baik selama tiga tahun tanpa cagaran serta menjalankan khidmat masyarakat selama 12 bulan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis siasat kes doktor didakwa cabul pesakit wanita

🕒 24 Julai 2025, 2:43pm



Mohd Alwi pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang. FOTO: NSTP

GEORGE TOWN: Polis sedang menjalankan siasatan kes membabitkan seorang doktor lelaki yang didakwa mencabul pesakit wanita di negeri ini.

Pemangku Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd Alwi Zainal Abidin berkata, sebanyak tiga kes berlaku di daerah Timur Laut, manakala satu lagi kejadian terkini dilaporkan di daerah Barat Daya.

"Bagi tiga kes di daerah Timur Laut, kertas siasatan sudah diserahkan sebelum ini dan kita baru terima arahan siasatan lanjut daripada pihak Timbalan Pendakwa Raya.

"Sementara siasatan bagi kes di daerah Barat Daya sudah dimulakan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Difahamkan, doktor berusia 43 tahun yang sebelum ini bertugas di sebuah hospital di daerah Timur Laut ditukar ke sebuah klinik kesihatan di Barat Daya.

Namun, kejadian terkini dikatakan berlaku ketika dia bekerja sebagai doktor sambilan di sebuah klinik swasta di kawasan sama.

Media sebelum ini melaporkan doktor berkenaan ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya jam 8 malam pada Isnin lalu.

Penahanan dibuat susulan laporan seorang wanita yang mendakwa dicabul ketika mendapat rawatan di sebuah klinik swasta terbabit pada 29 Jun lalu.

Kejadian didakwa berlaku sekitar jam 11.46 pagi ketika mangsa hadir ke klinik berkenaan kerana mengalami sakit perut.

Ketika berada di bilik pemeriksaan, doktor terbabit didakwa mengarahkan mangsa menanggalkan baju sebelum mencabulnya.

Mangsa yang tidak berpuas hati kemudian tampil membuat laporan polis pada Jumaat lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CHILD DIES IN SUSPECTED DOG MAULING INCIDENT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 25 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Child dies in suspected dog mauling incident

KUALA LUMPUR: A 19-month-old boy died, believed to have been mauled by dogs, at Kampung Orang Asli Sungai Buloh.

District police chief Supt Mohd Hafiz Muhammad Nor said police received a report on the incident at 8.40am on Tuesday from a medical officer at the Sungai Buloh Hospital.

"The child was brought to the emergency zone unconscious and was given cardiopulmonary resuscitation, but there was no response. He was pronounced dead at 9.14am.

"Initial checks revealed scratches and wounds on the victim's head and body," he said in a statement.

He also said initial investigations found that the child was taken to the hospital by his parents, an Orang Asli couple aged 31 and 29.

"The couple had returned from work at about 8.15am and found the door to their house open. They discovered their son unconscious about 20m from the house, with several dogs near the body."

The boy was under the care of his uncle at the time and is believed to have been sleeping in the living room before he went missing.

The case is being investigated under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis tahan bapa saudara bayi maut diserang anjing

🕒 24 Julai 2025, 5:01pm



SUNGAI BULOH: Polis menahan bapa saudara kepada bayi yang meninggal dunia dipercayai akibat diserang sekumpulan anjing di Kampung Orang Asli Sungai Buloh, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Mohd Hafiz Muhammad Nor berkata, lelaki berusia 19 tahun itu ditahan pada jam 11.50 pagi tadi, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Beliau berkata, hasil bedah siasat dilakukan Jabatan Forensik Hospital Sungai Buloh mendapati, punca kematian mangsa adalah disebabkan serangan dan gigitan anjing ganas.

“Polis meminta kerjasama orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi dan sekiranya mempunyai sebarang maklumat kejadian itu supaya tampil ke mana-mana balai polis berhampiran.

“Mereka juga boleh menghubungi hotline Balai Polis Sungai Buloh di talian 03-61561222 atau menghubungi pegawai siasatan kes, Inspektor Mohamad Aizad Abd Azik di talian 0134861194 untuk membantu siasatan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Media hari ini melaporkan, polis mengambil keterangan tiga individu berhubung kejadian bayi lelaki meninggal dunia akibat diserang sekumpulan anjing di Kampung Orang Asli Sungai Buloh, di sini, kelmarin.

Sebelum kejadian itu, mangsa dan bapa saudaranya tidur dikatakan di ruang tamu kediaman mereka.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : REMAJA OKU MENGAKU SALAH ATAS PERTUDUHAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 JUL 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Remaja OKU mengaku salah atas pertuduhan amang seksual fizikal

Muar: Mahkamah Sesyen, di sini, semalam memerintah seorang remaja lelaki orang kurang upaya (OKU) dihantar ke Sekolah Henry Gurney Melaka selepas mengaku bersalah atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kenalan perempuan.

Tertuduh berusia 18 tahun membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Hukuman berkenaan bermula semalam sehingga tertuduh berusia 21 tahun selari dengan peruntukan di bawah Seksyen 76 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Mengikut pertuduhan,

pekerja kebun itu didakwa melakukan perbuatan berkenaan terhadap kenalan-nya berusia 15 tahun di atas motosikal di tepi tali air di Tangkak kira-kira jam 3.15 petang pada 25 Mei lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Othman Affan Ismail, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pada masa sama, mahkamah juga memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama setahun sebaik selesai hukuman itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja OKU lakukan amang seksual diperintah ditahan di Sekolah Hendry Gurney

Oleh Alias Abd Rani - Julai 24, 2025 @ 12:19pm



Remaja OKU yang mengaku bersalah mencabul kenalannya dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Melaka. NSTP/Alias Abd Rani

MUAR: Seorang remaja lelaki orang kelainan upaya (OKU) yang didakwa di Mahkamah Sesyen, hari ini, atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kenalan perempuan atas motosikal, diperintah ditahan di Sekolah Henry Gurney sehingga berusia 21 tahun.

Tertuduh berusia 18 tahun, sebelum itu mengaku bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Remaja itu diperintah menjalani hukuman berkenaan bermula hari ini di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka, selari dengan peruntukkan mengikut Seksyen 76 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Mengikut pertuduhan, dia yang bekerja kebun didakwa melakukan perbuatan itu terhadap kenalannya berusia 15 tahun di atas motosikal yang diparkir tepi tali air di Tangkak, pada jam 3.15 petang, 25 Mei lalu.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Ismail, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pada masa sama, mahkamah juga memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama setahun sebaik selesai hukuman itu.